

02/02/1998

Sinergi masyarakat madani hadapi masa depan

Azril Mohd Amin

AGENDA pembentukan bangsa Malaysia yang berjaya memerlukan kita menilai dengan teliti cabaran yang harus dipikul. Kita merenung sejarah dan memahami bahawa ketahanan sesebuah tamadun yang hebat itu dilingkari asas kekuatan kenegaraan dan politik, kemapanan sosio-ekonomi, keunggulan moral dan budaya, kegemilangan intelektual serta yang paling utama, kesedaran dan komitmen dalam pengamalan hidup beragama. Namun, proses ini mempunyai pusingannya yang memungkinkan sesebuah tamadun itu kembali mundur sejajar dengan mundurnya persepsi dan pegangan masyarakat secara keseluruhan terhadap faktor agama, budaya dan aspek-aspek yang disebutkan di atas.

Ibn Khaldun, seorang sejarawan tersohor, menggambarkan fenomena ini dalam Al Muqadimah apabila menyatakan bahawa kesedaran terhadap agama semakin berkurangan apabila masyarakat semakin maju. Ini cuma kealpaan masyarakat terhadap satu faktor. Untuk menjamin kemapanan sesebuah masyarakat dari segala aspek, asas lain yang menjadi premis pembentukan kegemilangan tamadun juga harus terus diperkukuhkan. Kita bergembira kerana di sebalik ancaman terhadap asas itu, masih ada banyak faktor memihak yang memberi upaya kesinambungan terhadap cabaran membentuk masyarakat madani.

Faktor swadaya budaya (cultural empowerment) dan intelektualisme, sebagai contoh, perlu menjadi awlawiyat (priority) dalam mengembali serta mencipta sinergi masyarakat Madani. Faktor ini memerlukan swadaya agar mampu mencetus nilai dan keupayaan masyarakat untuk berubah dan memenuhi aspirasi bangsa berjaya.

Swadaya budaya adalah asas kepada pembentukan bangsa yang berjaya. Saf kepemimpinan negara diketuai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah beberapa kali menyebut peri pentingnya pengamalan budaya yang murni dan universal di kalangan setiap segmen masyarakat untuk menjamin pencapaian yang berkekalan. Selain itu, pengamalan budaya itu secara berulang kali dapat memberi jaminan terhadap penerusan faktor kecemerlangan yang berkualiti. Amalan terhadap himpunan nilai hidup mulia yang menjadi pegangan sesuatu bangsa yang berjaya perlu sentiasa disuburkan agar masyarakat sentiasa mampu mempunyai arah tuju yang jelas mengenai budaya terbaik yang dapat diikuti. Kita gusar apabila mendengar fenomena buta budaya yang semakin mengambil tempat di kalangan generasi muda, kerana ini sudah tentu menjadi ancaman terhadap visi mewujudkan masyarakat berbudaya luhur yang mampu menyaring kebejatan budaya asing.

Rasional terhadap swadaya budaya ini menjadi lebih jelas jika kita menyedari bahawa tidak ada faktor lain yang dapat menjadi benteng kukuh bagi masyarakat menghadapi cabaran sarwajagat. Kita menyedari hakikat bahawa dalam mana-mana agenda ketamadunan, faktor perubahan sikap terhadap budaya sering menjadi fokus pemerintah. Sistem kenegaraan mahupun perundangan boleh diubah untuk membawa perubahan dalam masyarakat, namun perubahan budaya secara keseluruhan memerlukan perubahan sikap berteraskan strategi pendidikan yang betul. Hal ini demikian kerana perubahan budaya tidak boleh sewenang-wenangnya diubah dengan kekerasan politik, apatah lagi penonjolan implikasi undang-undang yang lazimnya menjadi langkah terakhir untuk membentuk masyarakat yang menyanjungi nilai mithali. Menyempurnakan penanaman bibit budaya mulia di kalangan masyarakat juga memerlukan proses yang panjang, serta proses pengupayaan budaya itu memerlukan keterlibatan dan komitmen yang tuntas daripada seluruh masyarakat.

Penegasan terhadap agenda budaya kebangsaan perlu diberikan justifikasi yang lebih segar. Ini khususnya melihat kepada keperluan menerapkan nilai dan budaya di kalangan generasi muda agar mereka tidak tenggelam dalam fenomena kekeliruan identiti budaya yang diperlukan untuk mencapai hasrat pembinaan masyarakat madani. Budaya murni masyarakat memimpin mereka serta memberikan arah tuju yang jelas mengenai kerangka nilai yang perlu difahami serta dituruti untuk mencapai sesuatu sasaran pembangunan. Secara jelas, jika kebudayaan sesuatu masyarakat itu diubah dan dikuasai maka mobiliti serta fikrah mereka boleh dicernakan mengikut sesuka hati golongan yang menguasai. Contohnya, proses kolonialisasi masyarakat Malaysia suatu ketika dahulu merubah pemikiran dan seterusnya memberikan kesan terhadap budaya masyarakat secara sedikit demi sedikit. Proses ini jelas mengakibatkan penjajahan budaya mengambil tempat secara meluas dan menghasilkan segelintir masyarakat yang bermentaliti feudal dan rendah diri, lalu lupa kekuatan akar budaya sendiri.

Cabaran terhadap ekonomi negara akhir-akhir ini semakin menegaskan keperluan untuk mengakar kekuatan budaya di kalangan masyarakat. Masyarakat yang beretika tinggi dalam aspek budaya hidup, akan dapat mengamalkan praktis ekonomi yang berhemah, yang dapat menjana semula kemapanan ekonomi negara. Selain tekanan manipulator dan spekulator pasaran saham dan mata wang, kesediaan masyarakat untuk mengamalkan nilai dan disiplin yang perlu dalam menangani kegawatan ekonomi juga amat relevan. Ini khususnya melihat kepada faktor bahawa peranan kerajaan mahupun rakan-rakan negara serantau semata-mata tidak dapat menjamin kesinambungan ekonomi yang positif. Sebaliknya, budaya yang menunjangi nilai dan amalan perekonomian masyarakat secara keseluruhannya menjadi keperluan yang ternyata signifikan. Menerusi budaya sebegini, sokongan dan kepercayaan terhadap keupayaan menangani kegawatan ekonomi yang sedang melanda akan dapat direalisasikan.

Faktor kecemerlangan intelektual juga harus diberikan penekanan sewajarnya dalam proses membentuk masyarakat madani. Intelektualisme sebagai sinergi masyarakat madani harus mampu untuk melahirkan golongan yang meletakkan asas ilmu yang kukuh dan benar sebagai sandaran pembinaan masyarakat. Kita mahu melihat kewujudan dan kemampuan golongan intelektual untuk menjadi pemimpin peradaban masyarakat. Mereka ini harus disuburkan sebagai Munawwir al-fikr (the enlightened intellectuals) yang mampu meneruskan partisipasi dalam proses pembinaan masyarakat yang menyanjung aspirasi mulia. Rasional di sebalik keperluan ini dapat digarap dengan melihat kepada keperluan untuk memajukan negara di atas dasar keilmuan yang kukuh. Apabila kita menelusuri sejarah dunia, kekuatan ilmu di samping faktor lain menjadi agen swadaya negara-negara maju dan memimpin tamadun Islam.

Senario muasir juga pada hakikatnya membenarkan fakta ini. Kita menyaksikan pada masa kini bahawa negara-negara maju seperti Amerika Syarikat begitu tangkas mengepalai ekonomi dunia, dan ini terhasil daripada pengalaman dan pembangunan intelektualisme negara itu. Pelbagai persoalan pasti timbul apabila cabaran intelektualisme ini ditimbulkan. Rumusan Usman Awang mungkin dapat memberikan beberapa persepsi mengenai skop dan dimensi intelektual, yang digambarkan sebagai:

- * Orang yang punya ilmu pengetahuan dan fikiran yang sentiasa memperkembangkan ilmu pengetahuannya sesuai dengan perkembangan ilmu yang dari zaman ke zaman semakin bertambah kaya. Jadi ilmunya tidak basi dan beku;

- * Orang yang sentiasa berfikir dan menyumbangkan dan mengembangkan ideanya;

- * Orang yang mempergunakan ilmu dan ketajaman fikirannya untuk mengkaji, menganalisis, merumuskan segala perkara dalam kehidupan manusia, terutama

masyarakatnya dan alamnya untuk mencari kebenaran dan menegakkan kebenaran itu;

* Orang yang mengenal kebenaran dan berani memperjuangkan kebenaran, orang yang mengenal kebebasan dan berani memperjuangkan kebebasan, meski bagaimanapun tekanan dan ancaman yang dihadapinya, terutama sekali kebenaran, kemajuan dan kebebasan untuk rakyat.

Dimensi yang memberi pentakrifan kepada pengertian intelektual seperti di atas bukanlah sesuatu yang tepat dan absolute. Tetapi perkara lebih penting yang dapat diambil ialah imbasan terhadap aspirasi, ciri dan peranan intelektual itu sendiri dalam mengoptimalkan penggunaan ilmu dan akal mereka dalam mengkaji, menganalisis, merumuskan segala perkara dalam kehidupan masyarakat, mengembangkan idea serta mengenal dan memperjuangkan kebenaran dan kebebasan'. Ini menggambarkan soal sikap dan pendirian seseorang intelektual terhadap isu yang menjadi tumpuan beliau di dalam proses pembinaan masyarakat serta bagaimana beliau dapat berfungsi sebagai salah satu entiti berkesan yang membantu ke arah pembinaan masyarakat.

Sesetengah pihak mendakwa bahawa tugas untuk membina kekuatan intelektual telah selesai apabila masyarakat diberi pendidikan asas di peringkat sekolah dan seterusnya di universiti. Hal ini mungkin benar, tetapi melihat kepada senario pendidikan negara di kala ini, pendidikan mungkin mampu untuk memenuhi pasaran tenaga kerja yang semakin tinggi permintaannya, tetapi untuk melahirkan masyarakat yang benar-benar berbudaya intelektual dan teguh peribadinya merupakan cabaran yang lebih getir dan belum selesai. Apabila kita merujuk kepada keperluan untuk mendidik insan agar bukan hanya mampu menjadi pekerja atau profesional yang gigih dan cekap serta mampu mencapai kualiti produktiviti, tetapi lebih daripada itu, kita harus melahirkan insan yang kukuh sinar sosialnya dan menggarap di sepanjang kehidupannya makna dan praktis kehidupan mithali. Manusia yang dilahirkan atas premis sebegini akan mampu untuk menjadi agen pembangunan yang berkesan dan mempunyai daya tahan untuk membina masyarakat Madani.

Pelbagai pendekatan boleh diambil untuk mencapai hasrat menjana swadaya intelektual masyarakat, tetapi yang lebih penting ialah faktor perubahan sikap dan kemahuan untuk mempertingkatkan kualiti diri pada setiap individu itu sendiri. Ini kerana kekuatan intelektual itu bukanlah sesuatu yang boleh digarap dalam jangka masa terdekat. Kekuatan ini harus dipupuk dengan konsisten dan dibudayakan agar sikap yang terbentuk di kalangan masyarakat bukanlah sesuatu yang rapuh, malah dapat senantiasa diamalkan dan dicontohi generasi selanjutnya. Ia juga harus diterap di peringkat awal keremajaan agar ia menjadi sesuatu yang mudah, justeru peranan ibu bapa di sini amatlah relevan dan penting. Pada masa yang sama, pihak pemerintah perlu lebih peka terhadap fenomena sosial yang negatif dan masih lagi hangat dibicarakan. Dengan mengambil kira agama dan moral sebagai faktor pencetus utama kekuatan intelektual, ruang yang lebih relevan harus diberikan untuk memastikan gejala antiagama dan antimoral tidak membantutkan usaha menerapkan nilai dan budaya intelektual.

Islam sentiasa memberikan penegasan terhadap ideal dan arah tuju intelektual. Intelektual bermain dengan akal manusia, maka Islam menyatakan bahawa asas yang mendasari kekuatan dan peranan yang dimainkan intelektual itu haruslah disulam dengan proses Islamisasi. Islamisasi secara konseptualnya merujuk kepada perubahan fikiran (yang menjadi faktor utama pencetus intelektualisme) dan seterusnya membawa kepada perubahan masyarakat. Prof Syed Naguib AI-Attas merumuskan islamisasi sebagai "pembebasan manusia, pertama daripada tradisi tahyul, mitos, animis, kebangsaan dan kebudayaan dan selepas itu (pembebasan) akal dan bahasa daripada pengaruh sekularisme". Islamisasi seterusnya menuntut proses dua hala: pembebasan diri (liberation) dan pengembalian diri (devolution)

kepada kejadian asalnya, justeru langkah pertama islamisasi ialah islamisasi akal dan pemikiran. Proses ini menjadi kemuncak kepada pentakrifan ideal dan arah tuju peranan intelektual. Ini seterusnya memberikan gambaran yang jelas tentang budaya dan cetusan perubahan yang harus dibawa seseorang intelektual di dalam sesebuah masyarakat. Tanpa proses ini, golongan intelektual tidak dapat mencapai apa yang dikatakan sebagai idealisme terbimbing (guided idealism) yang ternyata penting untuk menjana peranan intelektual sebagai jurutera sosial masyarakat.

Masyarakat harus berani dan sentiasa bersedia untuk menerima hakikat perubahan fikrah dan sikap dalam menangani cabaran yang diutarakan. Menyedari hakikat bahawa kekuatan ini harus ditanam dalam proses pembinaan masyarakat dapat membantu negara dari pelbagai dimensi. Kita harus menerima hakikat bahawa kegemilangan budaya dan kekuatan tradisi intelektual dapat menerbitkan kemajuan negara dengan lebih pantas.

Selain itu, serangan ekonomi global, krisis sosial di dalam masyarakat dan lain-lain fenomena negatif dapat dielakkan apabila masyarakat mempunyai sistem budaya yang jelas serta dapat melakukan penaaakuan secara bijaksana dalam menilai masalah berdasarkan kekuatan ilmu. Selain itu, objektif terakhir mengisi kedua-dua keperluan ini memenuhi matlamat menjadikan masyarakat menurut lunas keagamaan yang telah ditetapkan.

Cabaran membina masyarakat madani bukan hanya terletak pada tanggungjawab menyampaikan aspirasi dan acuan yang perlu diikuti kepada masyarakat. Gagasan ini menuntut kita mengikis sikap jumud dan retorik, dan memulakan langkah untuk mengubah sikap, mendidik diri dengan ciri mithali yang bersifat universal. Hasrat ini juga tidak dapat ditelaah semata-mata dengan kritik dan hentaman semata-mata, tetapi perlu mempunyai asas perjuangan yang kukuh yang didasari kemahuan ikhlas untuk melihat perubahan berlaku. Dua faktor, iaitu swadaya budaya dan intelektualisme terus relevan untuk disuburkan dan menjadi prasyarat membuahkan sinergi masyarakat madani.